

22 OCT 1999

Najib-Majlis

PENUBUHAN MAJLIS TIDAK ADA PRA SYARAT, KATA NAJIB

KUANTAN, 22 Okt (Bernama) -- Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata penubuhan Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) tidak meletakkan sebarang pra-syarat bahawa kerajaan akan mengubah dasar-dasarnya.

Beliau berkata penubuhan MPPK adalah untuk mewujudkan satu forum bagi menerang dan membincangkan isu-isu semasa, dan majlis itu mesti bersifat konstruktif.

"Tetapi, nampaknya ada kumpulan yang mahukan forum ini menjadi seolah-olah satu jaminan kerajaan untuk meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti, ISA dan sebagainya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Gabungan Majlis Guru-Guru Besar Malaysia (GMGBM) dan persidangan perwakilan tahunan gabungan itu, di sini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Majlis Pelajar Malaysia (MPM), gabungan lapan organisasi pelajar di negara ini, semalam yang menolak cadangan kerajaan untuk menubuhkan MPPK.

Antara alasannya ialah penubuhan MPPK merupakan satu pertindihan kerana MPM yang mempunyai lebih 300,000 anggota terdiri daripada mahasiswa institusi pengajian tinggi awam dan swasta, telah lama wujud sebagai forum komunikasi antara pelajar dan kerajaan.

Mereka juga tidak berpuas hati dengan keputusan Menteri Pendidikan itu yang tidak meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada guru-guru di Kedah semalam, Najib berkata guru tidak sepatutnya menyalahgunakan kedudukan mereka yang telah diamanahkan oleh rakyat.

"Sepatutnya guru-guru yang membawa unsur-unsur politik di bilik darjah tidak meneruskan kerja ini. Kalau nak teruskan kerja ini, mereka patut berhenti sebagai seorang guru kerana ini boleh merosakkan pemikiran murid-murid," katanya.

Najib berkata pelajar sepatutnya dididik dengan sempurna tetapi sebaliknya mereka disemai dengan racun untuk membenci pemimpin.

Terdahulu, dalam ucapannya, Najib menyarankan guru-guru besar memberikan panduan yang sewajarnya tentang tanggungjawab sebenar guru dan membetulkan keadaan jika didapati berlaku sebarang kesalahan.

Beliau juga menerima ikrar Guru Besar Malaysia daripada Yang di Pertua GMGBM Muhammad Mustapha menyatakan sokongan dan berdiri teguh di belakang kepimpinan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Muhammad dalam ucapannya pula mengemukakan beberapa permintaan GMGBM termasuk mewujudkan jawatan Guru Besar Pakar, elaun keraian Guru Besar dimasukkan dalam senarai gaji, nisbah murid bagi satu kelas dikurangkan kepada 35 orang bagi sekolah rendah dan meminta dua sesi sekolah kepada sekolah yang mempunyai murid lebih 1,500 orang.

-- BERNAMA

SHS NAK